shop-my.blum.com



Waranti Blum

Terpakai di Malaysia

Waranti Blum

Terpakai di Malaysia



Perabot Blum dihasilkan dan diuji mengikut piawaian tertinggi di bawah garis panduan dalaman yang ketat, yang menjadi asas kepada sistem pengurusan kualiti ISO 9001. Kualiti produk dipantau secara berterusan melalui makmal ujian dalaman serta kerjasama dengan organisasi pengujian antarabangsa.

Mutu kerja dan prestasi produk ini dijamin, dengan waranti seumur hidup terhad bagi perkakasan mekanikal dan waranti lima tahun bagi perkakasan elektrik.

Bahagian rosak yang dilindungi di bawah waranti ini akan digantikan dengan komponen yang setara.



Waranti seumur hidup terhad bagi perkakasan mekanikal

Mutu kerja dan prestasi mekanisme dalam sistem Lift, sistem Box, sistem Runner, sistem Engsel, sistem Pocket serta teknologi Motion dijamin dengan waranti seumur hidup terhad.



Waranti lima tahun bagi perkakasan elektrik

Mutu kerja dan prestasi komponen elektrik yang merupakan sebahagian daripada SERVO-DRIVE dijamin dengan waranti selama lima tahun dari tarikh penghantaran oleh Blum.

Memahami Waranti Blum

Apakah definisi perkakasan mekanikal atau elektrik?

Perkakasan mekanikal terdiri daripada aksesori yang berfungsi tanpa penggunaan elektrik dalam apa jua bentuk. Sebaliknya, perkakasan elektrik merangkumi semua komponen yang merupakan sebahagian daripada SERVO-DRIVE, yang berfungsi dengan menggunakan tenaga elektrik.

Apakah definisi waranti seumur hidup Terhad?

Selaras dengan piawaian Blum, waranti seumur hidup terhad (ditakrifkan sebagai jangka hayat perabot) menjamin mekanisme terhadap kecacatan mutu kerja dan prestasi untuk tempoh 20 tahun, dengan syarat ia digunakan untuk tujuan yang dimaksudkan.

Apakah yang melayakkan tuntutan waranti?

Bahagian yang dilaporkan rosak mestilah komponen asal yang tidak diubah suai dan dipasang secara eksklusif dengan aksesori Blum. Bukti bergambar, dokumentasi video, serta butiran pihak ketiga yang terlibat (pereka, tukang kayu, dan sebagainya) terhadap siapa pembeli (pengguna akhir) membuat tuntutan perlu dikemukakan untuk pengesahan.

Bagi komponen elektrik yang merupakan sebahagian daripada SERVO-DRIVE, nombor kelompok (batch number) juga mesti disertakan dalam penghantaran permohonan.

Apakah yang dilindungi oleh waranti?

Selepas pengesahan, penggantian bahagian yang berkaitan akan dibuat secara percuma kepada pembeli melalui pertukaran satu-dengan-satu. Semua tuntutan lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada kos buruh, pemasangan, dan pengangkutan berkaitan penanggalan bahagian yang rosak dan/atau pemasangan bahagian gantian, adalah dikecualikan dan tidak akan dipertimbangkan oleh Blum.

Apakah yang tidak dilindungi oleh waranti?

Punca luar, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan semasa pengangkutan oleh penyedia logistik pihak ketiga, pemprosesan atau pemasangan, penyimpanan, pendedahan kepada keadaan atmosfera, dan kejadian semula jadi lain.

Pemasangan yang tidak betul, termasuk kegagalan mematuhi peraturan negara atau arahan pemasangan Blum.

Pengendalian yang tidak wajar akibat kecuaian, termasuk kerosakan akibat serpihan atau kotoran.

Penggunaan yang salah, termasuk beban berlebihan seperti dalam penggunaan komersial atau industri.

Keadaan operasi yang tidak sesuai serta penyelenggaraan yang tidak mencukupi.

Pengubahsuaian komponen, termasuk penanggalan atau pengubahsuaian label nombor siri, nombor kelompok, pembaikan tanpa kebenaran atau campur tangan tidak dibenarkan.

Apakah pertimbangan tambahan yang perlu diberi perhatian?

Waranti ini tidak merangkumi sistem pembahagi dalaman, termasuk aksesori dapur dalam rangkaian ORGA-LINE dan AMBIA-LINE.

Perkhidmatan Blum tidak mengiktiraf sebarang tanggungjawab undang-undang dan tertakluk kepada perubahan pada bila-bila masa tanpa notis awal. Jika bahagian yang rosak telah usang atau tidak lagi dikeluarkan, pro duk setara semasa mungkin ditawarkan. Tiada jaminan diberikan terhadap penyediaan item gantian atau keserasiannya dengan sistem atau reka bentuk sedia ada.

Blum berhak meminta pemulangan bahagian yang rosak bagi tujuan kawalan kualiti dan analisis kesilapan.

Imbas untuk memuat turun
Manual pembersihan dan penyelenggaraan

All content is copyrighted by Blum. Subject to technical modifications and changes to the range without notice.
Produced in Singapore. IDNR: 09067843 · FO-221/1 MS-MY

Blum Asia Pacific Sdn Bhd

Kuala Lumpur Experience Centre
7F-1 & 7F-2, 7th Floor, Tower 5 @ PFCC, Jalan Puteri 1/2
Bandar Puteri
47100 Puchong, Selangor
Malaysia
Tel.: +60 3 5033 2570
Email: info.my@blum.com

Johor Bahru Experience Centre
Eco Palladium
C-01-19, Pusat Perdagangan Ekoflora, Jalan Ekoflora 7/6
81100 Johor Bahru, Johor
Malaysia
Tel.: +60 7 283 1911
Email: info.my@blum.com

www.blum.com

Our locations in Austria, Poland and China are certified according to ISO 9001, ISO 14001 and ISO 50001.
Our location in the USA is certified according to ISO 9001.
Our location in Brazil is certified according to ISO 9001, ISO 14001 and ISO 45001.

ISO 9001 Certified Quality System
ISO 14001 Certified Environmental System
ISO 50001 Certified Energy System

blum®